

**SATU ANALISIS AUTOSEGMENTAL TERHADAP
PENGARUH FONOLOGI DIALEK MANDAILING
DALAM PEMBACAAN AL-QURAN**

RAHLINA MUSKAR NASUTION

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2015

**SATU ANALISIS AUTOSEGMENTAL TERHADAP
PENGARUH FONOLOGI DIALEK MANDAILING
DALAM PEMBACAAN AL-QURAN**

Oleh

RAHLINA MUSKAR NASUTION

**Tesis diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
OKTOBER 2015**

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah rahmat-Nya dan kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan penyelidikan ini bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Bahasa Melayu). Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Dr. Tajul Aripin Kassim selaku penyelia yang telah banyak bersabar dalam memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta nasihat sepanjang proses menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada bahagian Bahasa Melayu Bahagian pengkhususan Linguistik, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan perkhidmatan pentadbiran yang cekap serta kemudahan bilik Karel, bilik sumber dan perpustakaan kepada pengkaji, sehingga pengkaji dapat menyiapkan tesis ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada adik-adik seperjuangan iaitu Noriha Basir dan Nagesvari yang telah banyak memberi bantuan serta semangat sepanjang pengajian saya di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, bahagian Bahasa Melayu (Linguistik), Universiti Sains Malaysia.

Seterusnya, penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Rektor Universiti Sumatera Utara, Medan, Indonesia, yang telah memberikan keizinan dan

sokongan moral serta bantuan material kepada pengkaji semasa pengkaji melaksanakan kajian ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada dua insan tersayang iaitu iaitu ayahanda Allah yarham Haji. Muhammad Yunus Karim bin Karim dan Allah yarham bonda Hajah.Ummi Kalsum binti Haji. Abdul Karim yang telah mendidik dan membesarkan serta membiayai pengkaji dalam menuntut ilmu sejak Sekolah Rendah hingga ke Universiti. Hanya doa yang dapat anakanda berikan untuk ayahanda dan bonda tercinta Ya Allah ampunilah semua kesalahan ayahanda dan bonda ketika mereka masih hidup, sayangilah mereka sebagaimana mereka telah memberikan kasih sayang kepada saya sedari kecil hingga mereka pergi memenuhi panggilan Yang Kuasa, masukkanlah mereka ke dalam Jannah Mu, Amin Ya Arhamar Rahimin.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada suami dikasihi Haji.Faisal Rangkuti yang telah memberi keizinan serta motivasi bagi pengkaji untuk menuntut ilmu di negeri seberang iaitu Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, Malaysia. Anakanda Fakhrizal Mukhtar, Rafiqah Ulfah dan M.Irfan Luthfi yang memberi sokongan kepada pengkaji untuk melanjutkan pengajian hingga ke peringkat Ph.D. Semangat dan motivasi serta doa yang kalian berikan kepada pengkaji dapat menambah kekuatan mental dan fizikal bagi pengkaji dalam menghadapi pelbagai rintangan dalam menyempurnakan tesis ini.

Akhirnya, pengkaji bermohon kepada Allah s.w.t agar semua jasa baik yang kalian berikan kepada pengkaji dibalas oleh Allah dengan sebaik-baik balasan. Pengkaji amat berbesar hati sekiranya kajian ini dapat memberi inspirasi dan panduan kepada pembaca terutamanya dalam bidang fonologi. Semoga kajian ini juga dapat memberi idea kepada pengkaji seterusnya yang akan membuat kajian yang lebih terperinci dan meluas terhadap pengaruh dialek-dialek yang lain dalam pembacaan al-Quran.

Wassalam.

Rahlina Muskar Nasution
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.
Oktober 2015

SENARAI JADUAL

Jadual 2.0	Lambang Huruf Fonetik Antarabangsa (IPA)	39
Jadual 2.1	Matriks Fitur Distingtif Bunyi Vokal	55
Jadual 2.2	Fitur Distingtif Beberapa Konsonan Bahasa Melayu	56
Jadual 2.3	Fitur Distingtif Sistem SPE	57
Jadual 3.0	Sistem Vokal Dialek Mandailing	85
Jadual 3.1	Fitur Distingtif Vokal Dialek Mandailing	91
Jadual 3.2	Konsonan Dialek Mandailing	98
Jadual 3.3	Fitur Distingtif Konsonan Dialek Mandailing	99
Jadual 4.0	Sistem Vokal Bahasa Arab	156
Jadual 4.1	Sistem Konsonan Bahasa Arab	164
Jadual 4.2	Fitur-fitur Distingtif Vokal BAQ	211
Jadual 4.3	Fitur Distingtif Konsonan Koronal BAQ	216
Jadual 4.4	Fitur Distingtif Konsonan Labial BAQ	217
Jadual 4.5	Fitur Distingtif Konsonan Dorsal BAQ	217
Jadual 4.6	Fitur Distingtif Konsonan Glotis BAQ	218
Jadual 5.0	Bunyi Huruf Dalam KHBAQ Dan Konsonan BAQ	228
Jadual 5.1	Bunyi Huruf KHBAQ, KBIDM Dan Bunyi Suku Kata KBIDM	231
Jadual 5.2a	Penggantian Konsonan Labial Frikatif KHBAQ Dengan Konsonan Labial Plosif KBIDM	238

Jadual 5.2b Penggantian Konsonan Koronal Frikatif KHBAQ Dengan Konsonan Frikatif KBIDM	238
Jadual 5.2c Penggantian Konsonan Koronal Plosif KHBAQ Dengan Konsonan Koronal Plosif KBIDM	238
Jadual 5.2d Penggantian Konsonan Dorsal Frikatif KHBAQ Dengan Konsonan Plosif KBIDM	238
Jadual 5.2e Penggantian Konsonan Dorsal Plosif KHBAQ Dengan Konsonan Dorsal Plosif KBIDM	239
Jadual 5.2f Penggantian Konsonan Glotis Faringal KHBAQ Dengan Konsonan Plosif Glotis Dan Frikatif Glotis KBIDM	239

SENARAI RAJAH

Rajah 2.0	Garis Hubung pada Kata 'pun'	46
Rajah 2.1	Representasi Autosegmental yang Menghasilkan Bentuk yang Gramatis	50
Rajah 2.2	Representasi Autosegmental yang Menghasilkan Bentuk yang Tidak Gramatis	51
Rajah 2.3	Rajah Pohon Fitur Distingtif Sagey (1986)	62
Rajah 2.4	Representasi Tingkat Suku Kata Clements dan Keyser (1983)	63
Rajah 2.5	Representasi Tingkat Suku Kata Levin (1985)	64
Rajah 2.6	Penyebaran Fitur dalam Proses Nasalisasi Vokal	67
Rajah 2.7	Penyebaran Fitur dalam Proses Asimilasi	69
Rajah 2.8	Alat – Alat Artikulasi	82
Rajah 3.0	Representasi Fonologi Autosegmental Vokal DM	120
Rajah 3.1	Struktur Suku Kata dalam DM	109
Rajah 3.2	Representasi Fonologi Dua Tingkat	127
Rajah 3.3	Representasi Fonologi Tiga Tingkat	127
Rajah 3.4	Kedudukan Vokal [+Tinggi] Pada Posisi Onset	129
Rajah 3.5	Kedudukan Vokal [+Tinggi] Pada Posisi Onset DM	130
Rajah 3.6	Kedudukan Vokal [+Tinggi] Pada Posisi Onset DM	130
Rajah 3.7	Penyebaran Geluncuran Dalam Kata Dasar Bagi Perkataan /buɛ/ [buwɛ]	133
Rajah 3.8	Rumus Penyebaran Fitur Nasal	136

Rajah 3.9	Penghalangan Proses Penyebaran Nasal Dalam Perkataan	
	/Nali/ [Naʔli]	138
Rajah 3.10	Harmoni Nasal DM	140
Rajah 3.11	Rumus Asimilasi Nasal Berhomorgan	143
Rajah 3.12	Rumus Pengguguran Obstruen Tak Bersuara	145
Rajah 3.13	Representasi Asimilasi Nasal Velar dengan Obstruen Tak Bersuara	
	/t/ dalam DM	147
Rajah 4.1	Bunyi Plosif Bilabial ب [b]	169
Rajah 4.2	Bunyi Plosif Dental ت [t], د [d]	171
Rajah 4.3	Bunyi Plosif Velarisasi ض [ʤ], ط [ʤ]	174
Rajah 4.4	Bunyi Plosif Uvular ق [q]	176
Rajah 4.5	Bunyi Plosif Velar ك [k]	178
Rajah 4.6	Bunyi Plosif Glotis ء [ʕ]	179
Rajah 4.7	Bunyi Frikatif Interdental ث [T], ذ [Δ]	183
Rajah 4.8	Bunyi Frikatif Alveolar س [s], ز [z]	185
Rajah 4.9	Bunyi Frikatif Palato Alveolar ش [Σ]	187
Rajah 4.10	Bunyi Frikatif Velarisasi ص [ʕ]	189
Rajah 4.11	Bunyi Frikatif Velarisasi Interdental ظ [ʕ]	190
Rajah 4.12	Bunyi Frikatif Faringgal ح [χ], ع [ʕ]	193
Rajah 4.13	Bunyi Frikatif Velar خ [x], غ [ʕ]	196
Rajah 4.14	Bunyi Frikatif Labio Dental ف [f]	198
Rajah 4.15	Bunyi Frikatif Glotis هـ [h]	199

Rajah 4.16 Bunyi Afrikat Alveolar ج [Ø]	201
Rajah 4.17 Bunyi Getaran Alveolar ر [r]	203
Rajah 4.18 Bunyi Lateral ل [l]	204
Rajah 4.19 Bunyi Nasal Labial م [m]	206
Rajah 4.20 Bunyi Nasal Alveolar ن [n]	208
Rajah 4.21 Bunyi Separuh Vokal ي [j]	211
Rajah 4.22 Representasi Fitur-Fitur Vokal BAQ	215
Rajah 4.23 Representasi Fitur-Fitur Konsonan BAQ	223
Rajah 5.0 Rumus Pengguguran Konsonan Pada Posisi Koda	234
Rajah 5.1 Representasi Pengguguran Konsonan Glotis /// Dalam Bunyi Huruf /ba// Yang Menerima Vokal [a] Menjadi [ba] Dalam KBIDM	236
Rajah 5.2 Rumus Penggantian Konsonan Labial Frikatif Tak Bersuara /f/ KHBAQ Dengan Konsonan Labial Plosif Tak Bersuara [p] Dalam KBIDM	241
Rajah 5.3 Representasi Penggantian Konsonan Labial Frikatif Tak Bersuara /f/ → [p] Dalam Kata /kajfa/ KHBAQ → [kajpa] Dalam KBIDM	243
Rajah 5.4 Rumus Penggantian Konsonan Koronal Frikatif Interdental Tak Bersuara /T/ Dan Bersuara /Δ/ → Konsonan Koronal Frikatif Alveolar [s] Dalam KBIDM	248
Rajah 5.5 Rumus Penggantian Konsonan Koronal Frikatif Alveolar	

	Bersuara /z/ Dengan Konsonan Koronal Frikatif Alveolar	
	Tak Bersuara [s] Dalam KBIDM	251
Rajah 5.6	Rumus Penggantian Konsonan Koronal Frikatif Palato Alveolar	
	Tak Bersuara /ʒ/ Dengan Konsonan Koronal Frikatif Alveolar	
	Tak Bersuara [s] Dalam KBIDM	254
Rajah 5.7	Rumus Penggantian Konsonan Koronal Frikatif Dental Alveolar	
	Tak Bersuara /t/ Dan Bersuara /d/ → Konsonan Koronal Frikatif	
	Alveolar [s] Dalam KBIDM	258
Rajah 5.8	Representasi Penggantian Konsonan Koronal Frikatif Interdental	
	/d/ Dengan Konsonan Koronal Frikatif Alveolar [s] Bagi Kata	
	[/iΔa:] → [/sa:] Dalam KBIDM	260
Rajah 5.9	Rumus penggantian konsonan koronal plosif dental alveolar	
	bersuara /d/ → konsonan koronal plosif alveolar [d] dalam	
	KBIDM	265
Rajah 5.10	Rumus penggantian konsonan dorsal plosif uvular	
	tak bersuara /k/ → [k] dalam KHBAQ dengan KBIDM	268
Rajah 5.11	Representasi Penggantian Konsonan Dorsal Plosif Uvular Tak	
	Bersuara /q/ → [k] Dalam Kata /qul/ → [kul] Dalam KBIDM	269
Rajah 5.12	Rumus Penggantian Konsonan Dorsal Frikatif Velar Tak Bersuara	
	/x/ → [h] dalam KHBAQ dengan KBIDM	274
Rajah 5.13	Representasi penggantian konsonan dorsal frikatif velar /x/ → [h]	
	dalam kata //alxanna:s/ → [/alh□nna:s] dalam KBIDM	276

Rajah 5.14 Rumus penggantian konsonan faringgal frikatif /□/ → [h] dalam KHBAQ dengan KBIDM	281
Rajah 5.15 Representasi penggantian konsonan faringgal frikatif tidak bersuara /□/ → [h] dalam kata /□a:mijah/ → [ha:mijah]	283
Rajah 5.16 Kedudukan Vokal Dalam KBIDM	285
Rajah 5.17 Rumus Pengguguran Vokal Belakang /□/	285
Rajah 5.18 Rumus Pengguguran Vokal Rendah /a/	285
Rajah 5.19 Rumus Pengekalan Vokal Rendah /a/	286
Rajah 5.20 Representasi Penyisipan vokal [i] bagi perkataan //iqra// → [ikir□/]	307

**SATU ANALISIS AUTOSEGMENTAL TERHADAP PENGARUH
FONOLOGI DIALEK MANDAILING DALAM PEMBACAAN AL-QURAN**

ABSTRAK

Kajian yang bertajuk Satu Analisis Autosegmental Terhadap Pengaruh Fonologi Dialek Mandailing Dalam Pembacaan al-Quran bertujuan untuk mengenal pasti fonem dan fitur distingtif dialek Mandailing (DM) dan bahasa Arab al-Quran (BAQ). Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis pengaruh DM dalam pembacaan al-Quran oleh pembaca dialek Mandailing (PDM) dari aspek fonologi iaitu pengaruh bunyi-bunyi konsonan dan vokal BAQ. Sumber data kajian ini terdiri daripada rakaman perkataan BAQ yang mengandungi bunyi-bunyi konsonan BAQ yang tidak terdapat dalam DM. Informan kajian ini ialah penutur jati DM pelajar sekolah menengah sejumlah 60 orang (30 orang lelaki dan 30 orang perempuan). Dalam kajian ini, data dianalisis secara teoretis dengan berdasarkan teori fonologi autosegmental, representasi fitur distingtif model Sagey (1986), representasi tingkat suku kata Clements & Keyser (1983) serta representasi tingkat suku kata Levin (1985). Terdapat lima bunyi vokal DM iaitu: /i, u, e, o, a/. Manakala vokal /e/ dan /o/ adalah variasi kepada vokal /E/ dan /□/ yang hadir dalam struktur permukaan DM. Konsonan DM terdiri daripada lapan belas konsonan asas. Konsonan-konsonan tersebut ialah /b, p, g, k, d, t, |, c, m, n, N, J, s, r, l, w, j, h/. Manakala, dalam BAQ ada tiga vokal pendek iaitu /a, i, u/ dan tiga vokal panjang /a:, i:, u:/ serta vokal tanwin /a)n, i)n, u)n/. Konsonan BAQ ada dua puluh lapan iaitu konsonan /b, t, θ, Ø, h, x, d, ð, r, z, s, Σ, ♣, |, □, |, √, ⊗, f, q, k, l, m, n, w, h, /, j/. Dalam pengajaran membaca al-Quran, PDM menggunakan Kaedah Bacaan Iqra' dialek Mandailing (KBIDM). Penggunaan kaedah ini memperlihatkan beberapa proses fonologi berlaku, antaranya ialah proses pengguguran vokal, penggantian

konsonan, perubahan vokal dan penyisipan vokal. Vokal rendah /a/ akan digugurkan apabila vokal belakang [-tinggi] /□/ yang tersedia ada dalam bunyi huruf konsonan koronal plosif /ض/ [d□], /ط/ [t□], koronal frikatif /ص/ [s□], /ظ/ [s□], dan koronal getaran /ر/ [r□], konsonan dorsal plosif /ق/ [k□] dan konsonan dorsal frikatif /خ/ [h□], /غ/ [g□] menerima vokal rendah /a/. Pengguguran vokal rendah /a/ berlaku kerana kedudukannya yang rendah dalam sistem kedudukan artikulasi vokal, berbanding vokal belakang [-tinggi] /□/. Begitu juga, vokal belakang [-tinggi] /□/ akan gugur apabila konsonan yang tersedia ada dalam konsonan itu menerima vokal tinggi /i,u/. Penggunaan KBIDM ini juga menyebabkan konsonan DM mempengaruhi bunyi konsonan BAQ. Dalam hal ini, konsonan BAQ mengalami penggantian konsonan dengan konsonan DM yang berhampiran iaitu konsonan koronal frikatif /ث/ [t], /ذ/ [d], /ز/ [z], /ش/ [ʃ], /ص/ [s], /ظ/ [z] digantikan dengan konsonan frikatif [s], konsonan koronal plosif /ض/ [d], /ط/ [t] digantikan dengan konsonan koronal plosif [d, t], konsonan dorsal plosif /ق/ [k] digantikan dengan konsonan dorsal velar [k], konsonan dorsal frikatif /خ/ [h] diganti dengan konsonan glotis frikatif [h], dorsal frikatif /غ/ [g] digantikan dengan konsonan dorsal velar [g], konsonan konsonan glotis frikatif /□/ digantikan dengan konsonan glotis frikatif /h/,

konsonan glotis frikatif /□/ digantikan dengan konsonan glotis plosif ///. Dirumuskan bahawa pengaruh fonologi DM dalam pembacaan al-Quran adalah penggunaan sistem satuan bunyi fonem daripada DM dalam penggunaan sistem BAQ menyebabkan berlakunya gangguan atau penyimpangan dalam sistem fonemik

BAQ. Pengajaran fonologi BAQ bagi penutur DM haruslah difokuskan kepada fonem-fonem BAQ yang mengalami perubahan dalam pembacaan al-Quran oleh PDM.

SENARAI SINGKATAN

DM = Dialek Mandailing

BAQ = Bahasa Arab al-Quran

PDM = Penutur Dialek Mandailing

KHBAQ = Kaedah Huruf Bahasa Arab al-Quran

KHBAQDM = Kaedah Huruf Bahasa Arab al-Quran Dialek Mandailing

KBIDM = Kaedah Bacaan IQRA` Dialek Mandailing

K = Konsonan

V = Vokal

SD = Struktur Dalaman

SATU ANALISIS AUTOSEGMENTAL TERHADAP PENGARUH FONOLOGI DIALEK MANDAILING DALAM PEMBACAAN AL-QURAN

ABSTRAK

Kajian yang bertajuk Satu Analisis Autosegmental Terhadap Pengaruh Fonologi Dialek Mandailing Dalam Pembacaan al-Quran bertujuan untuk mengenal pasti fonem dan fitur distingtif dialek Mandailing (DM) dan bahasa Arab al-Quran (BAQ). Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis pengaruh DM dalam pembacaan al-Quran oleh pembaca dialek Mandailing (PDM) dari aspek fonologi iaitu pengaruh bunyi-bunyi konsonan dan vokal BAQ. Data kajian adalah daripada rakaman perkataan BAQ yang mengandungi bunyi-bunyi konsonan BAQ yang tidak terdapat dalam DM. 60 orang Informan (30 lelaki dan 30 perempuan) kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar natif DM yang belajar di sekolah menengah. Dalam kajian ini, data dianalisis secara teoretis dengan berdasarkan teori fonologi autosegmental, representasi fitur distingtif model Sagey (1986), representasi tingkat suku kata Clements & Keyser (1983) serta representasi tingkat suku kata Levin (1985). Terdapat lima bunyi vokal DM iaitu: /i, u, e, o, a/. Manakala vokal /e/ dan /o/ adalah variasi kepada vokal /E/ dan /□/ yang hadir dalam struktur permukaan DM. Konsonan DM terdiri daripada lapan belas konsonan asas. Konsonan-konsonan tersebut ialah /b, p, g, k, d, t, |, c, m, n, N, J, s, r, l, w, j, h/. Manakala, dalam BAQ ada tiga vokal pendek iaitu /a, i, u/ dan tiga vokal panjang /a:, i:, u:/ serta vokal tanwin /a)n, i)n, u)n/. Konsonan BAQ ada dua puluh lapan iaitu konsonan /b, t, θ, Ø, h, x, d, ð, r, z, s, Σ, ♣, |, □, |, √, ⊗, f, q, k, l, m, n, w, h, /, j/. Dalam pengajaran membaca al-Quran, PDM menggunakan Kaedah Bacaan Iqra' dialek Mandailing (KBIDM). Penggunaan kaedah ini memperlihatkan beberapa

proses fonologi berlaku, antaranya ialah proses pengguguran vokal, penggantian konsonan, perubahan vokal dan penyisipan vokal. Vokal rendah /a/ akan digugurkan apabila vokal belakang [-tinggi] /□/ yang tersedia ada dalam bunyi huruf konsonan koronal plosif /ض/ ض [d□], /ط/ ط [t□], koronal frikatif /ص/ ص [s□], /ظ/ ظ [s□], dan koronal getaran /ر/ ر [r□], konsonan dorsal plosif /ق/ ق [k□] dan konsonan dorsal frikatif /خ/ خ [h□], /غ/ غ [g□] menerima vokal rendah /a/. Pengguguran vokal rendah /a/ berlaku kerana kedudukannya yang rendah dalam sistem kedudukan artikulasi vokal, berbanding vokal belakang [-tinggi] /□/. Begitu juga, vokal belakang [-tinggi] /□/ akan gugur apabila konsonan yang tersedia ada dalam konsonan itu menerima vokal tinggi /i, u/. Penggunaan KBIDM ini juga menyebabkan konsonan DM mempengaruhi bunyi konsonan BAQ. Dalam hal ini, konsonan BAQ mengalami penggantian konsonan dengan konsonan DM yang berhampiran iaitu konsonan koronal frikatif /ث/ ث, /ذ/ ذ, /ز/ ز, /ش/ ش, /ص/ ص, /ظ/ ظ digantikan dengan konsonan frikatif [s], konsonan koronal plosif /ض/ ض, /ط/ ط digantikan dengan konsonan koronal plosif [d, t], konsonan dorsal plosif /ق/ ق digantikan dengan konsonan dorsal velar [k], konsonan dorsal frikatif /خ/ خ diganti dengan konsonan glotis frikatif [h], dorsal frikatif /غ/ غ digantikan dengan konsonan dorsal velar [g], konsonan konsonan glotis frikatif /□/ digantikan dengan konsonan glotis frikatif /h/, konsonan glotis frikatif /√/ digantikan dengan konsonan glotis plosif ///. Oleh itu, kesan daripada pengaruh fonologi DM ke atas pembacaan al-Quran oleh pembaca DM menyebabkan berlakunya perubahan fonologi dalam fonologi BAQ.

AN AUTOSEGMENTAL ANALYSIS ON THE INFLUENCE OF THE PHONOLOGICAL MANDAILING DIALECT IN AL-QURAN RECITATION

ABSTRACT

This study, titled as An Autosegmental Analysis on the Influence of The Phonological Mandailing Dialect In al-Quran Recitation is aimed at identifying phonemes and distinctive features of the Mandailing dialect (DM) and the Arabic al-Quran language (BAQ). This study is also aimed at analysing the influence of the Mandailing dialect (DM) in the recitation of al-Quran by Mandailing dialect readers (PDM) from the aspect of phonology from the sound of consonants and vowels. The data are from the recording of the BAQ words which contain the sound of non-consonants of the DM. There 60 informants (30 males and 30 females) of the research are the secondary school students from the native speakers of the DM. Data from the study are analysed theoretically based on the phonological autosegmental, Sagey's representation of distinctive features model (1986), Clements & Keyser's representation of syllable tiers (1983) and Levin's representation of syllable tiers (1985). There are five vowel sounds from DM: /i, u, e, o, a/. Vocal /e/ and /o/ are variations of the vocal /E/ and /□/ that is present in the surface structure of DM. DM consists of eighteen basic consonants. These consonants are /b, p, g, k, d, t, |, c, m, n, N, J, s, r, l, w, j, h/. Whereas, in BAQ there are three short vowels /a, i, u/ and three long vowels / /a:, i:, u:/ as well as tanwin vowels /a)n, i)n, u)n/. BAQ consist of

twenty eight basic consonants. These consonants are /b, t, θ, Ø, ħ, x, d, ð, r, z, s, Σ, ♣, |, □, √, ⊗, f, q, k, l, m, n, w, h, /, j/. In the teaching of al-Quran recitation, PDM uses the Mandailing Dialect Iqra' Reading Method (KBIDM). The use of this method shows several phonology processes occurring, they are the vowel deletion, consonant substitution and vowel insertion. Low vowel /a/ will be deleted when the back vowel [-high] /□/ that is present is located in the consonant sound of the coronal plosives /|/ ض [d□], /□/ ط [t□], coronal fricatives /♣/ [s□], /|/ ظ [s□] and consonant dorsal fricatives /x/ خ [h□], /⊗/ غ [g□] receives low vowel /a/. The deletion of low vowel /a/ is due to its low position in the vowel articulation positioning system compared to the back vowel [-high] /□/. The same goes to the back vowels [-high] /□/, it will be deleted when a present consonant is located inside a consonant receives a high vowel /i, u/. The use of KBIDM has caused the DM consonants to influence the consonant sounds in BAQ. In this matter, the BAQ consonant experiences a substitution of consonant by the closest DM consonant, that is coronal fricative consonants frikatif /T/ ث , /Δ/ ذ , /z/ ز , /Σ/ ش , /♣/ ص , /|/ ظ which is substituted with fricative consonant [s], plosive consonants /|/ ض , /□/ ط which is substituted with plosive coronal consonants [d, t], dorsal plosive consonant /q/ ق is substituted with dorsal velar consonant [k] dorsal fricative consonant /x/ خ is substituted with glottis fricative consonant [h], dorsal fricative /⊗/ غ is substituted with dorsal velar consonant [g], glottal fricative consonant /□/ ح is substituted glottal fricative consonant /h/, glottal fricative consonant /√/ is substituted glottal plosive ///.The occurrence of phonological changes in BAQ phonology is resulted

by the influence of DM's phonology on the recitation of al-Quran by reciters of DM..

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan latar belakang pengaruh fonologi dialek Mandailing (seterusnya akan dikenali sebagai DM) dalam membaca al-Quran. Bab ini menghuraikan aspek-aspek yang membina tesis ini seperti, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, tinjauan literatur, definisi istilah dan konsep, organisasi kajian dan rumusan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam membincangkan pengaruh sesuatu ke atas sesuatu yang lain maka ada dua pihak yang terlibat iaitu yang mempengaruhi dan yang dipengaruhi. Bagi kedua-dua pihak ini pasti ada persamaan dan perbezaan tentang pelbagai perkara (Hamdan , 1996: 49).

Dalam penulisan bahasa Arab, ramai sarjana Arab yang mengkaji pengaruh bahasa pertama terhadap bahasa kedua, antaranya Al-'Usailiyy 'Abdul 'Aziz Ibrahim (2000) telah mengkaji perhubungan bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Beliau menjalankan kajian terhadap pelajar-pelajar asing yang belajar di Universiti Imam Malik Sa`ud Riyadh, Arab Saudi, bagi tujuan mengukuhkan teori peminjaman bahasa. Dalam kajiannya, beliau merujuk pada kesalahan dalam bidang fonetik yang amat jelas

berbanding bidang linguistik yang lain. Kesalahan yang dilakukan oleh pelajar asing dalam sebutan adalah disebabkan oleh guru-guru yang mengajar bahasa Arab bukan terdiri daripada mereka yang betul-betul pakar dalam bidang yang diajar. Kemudian, beliau menegaskan lagi bahawa, pengaruh bahasa berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar pada peringkat rendah sahaja dan bilangannya semakin berkurangan apabila mereka sudah berada pada peringkat yang lebih tinggi. Pada pandangan beliau, pengaruh bahasa ibunda bukanlah faktor utama tetapi terdapat faktor-faktor lain lagi yang menyebabkan kesilapan berlaku dalam proses penyebutan.

Peranan bahasa Arab amat penting bagi masyarakat Muslim di Indonesia kerana bahasa ini berfungsi sebagai bahasa peribadatan yang sentiasa digunakan untuk melaksanakan solat-solat wajib mahupun solat sunat serta ibadah-ibadah yang menghubungkan manusia kepada Khaliqnya. Salah satu ibadah itu adalah membaca kitab suci al-Quran.

Pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran memperlihatkan kepada kita akan kekuatan dan keupayaannya sebagai bahasa agama yang saintifik, rasional dan bersifat ilmiah. Ciri-ciri tersebut pada hakikatnya telah melayakkan bahasa al-Quran itu menjadi bahasa perundangan bagi umat Islam.

Menurut Harahap (2004: 60) fakta menunjukkan bahawa masih ramai pelajar sekolah rendah, sekolah menengah tingkatan pertama dan sekolah menengah tingkatan atas di kawasan Mandailing Natal yang belum mampu membaca al-Quran.

Sehubungan dengan itu, di kawasan Mandailing Natal kini telah dilaksanakan satu Peraturan Daerah (Perda) Nombor 5 Tahun 2003 tentang kecekapan membaca huruf al-Quran untuk pelajar sekolah rendah, sekolah menengah tingkat pertama dan sekolah menengah tingkat atas serta bagi bakal pengantin. Hal ini merupakan satu asas utama bagi pembangunan masyarakat Madani (Harahap, 2004: 59).

Pada masa ini agama Islam terus mewarnai kehidupan masyarakat etnik Mandailing. Majoriti penduduk yang ada di sana beragama Islam iaitu lebih kurang 96 peratus daripada jumlah penduduk yang ada (Harahap, 2004: 43).

Kehidupan masyarakat Mandailing mempunyai falsafah yang dinyatakan seperti berikut "*Hombar do adat dohot ibadat*" yang bermakna adat dan ibadat tidak dapat dipisahkan. Adat tidak boleh bertentangan dengan agama Islam. Jika terdapat hal-hal yang mengganggu dalam pelaksanaan agama, maka adat itu harus dihapuskan (Nasution, 1994 : 12).

Hasymi (1989:28-39) menyebut bahawa menurut sejarah, agama Islam mula dibawa masuk ke kawasan wilayah Sumatera melalui proses penyebaran Islam secara langsung iaitu sejak abad ke tujuh. Proses penyebaran itu dilakukan oleh para pedagang, muballigh dan orang suci (sufi) yang berasal dari Semenanjung Arab, Parsi dan India. Sehingga akhir abad ketiga belas para muballigh dan pedagang itu telah sampai ke kawasan Sumatera Utara. Maka, ramai orang Islam membentuk perkampungan di seluruh daerah Sumatera Utara termasuk di kawasan Mandailing. Kehadiran agama Islam di Mandailing mengakibatkan masyarakat Mandailing belajar tentang Islam daripada para pedagang, muballigh dan orang suci yang berasal

dari Semenanjung Arab, Parsi dan India. Oleh yang demikian, maka wujudlah hubungan bahasa daripada penutur Arab, Parsi dan India dengan masyarakat penutur bahasa Mandailing. Dengan terlaksananya hubungan bahasa antara dua atau tiga masyarakat yang berbeza, mahu atau tidak, anggota masyarakat suatu bahasa harus mempelajari bahasa masyarakat lain agar mereka dapat berkomunikasi.

Dalam mempelajari bahasa asing pelajar-pelajar berpotensi memindahkan kaedah-kaedah dan unsur-unsur bahasa ibundanya atau bahasa tempatan ke dalam bahasa asing yang dipelajarinya. Mereka masih belum mampu menggunakan kaedah dan struktur bahasa asing tersebut dengan baik. Kesannya, pelajar membuat penyimpangan-penyimpangan terhadap bahasa asing tersebut yang cenderung dipengaruhi oleh sistem bahasa ibundanya. Oleh itu, teori pemindahan bahasa atau peminjaman linguistik sering dikaitkan dengan pengaruh bahasa pertama dalam bahasa kedua (Subiyakto, 1991: 23). Sesetengah ahli bahasa juga mengistilahkan pemindahan linguistik sebagai gangguan bahasa (Haugen, 1953) dipetik daripada (Mohammad,2000:1349). Gangguan bahasa yang terhasil daripada pemindahan bahasa terbahagi kepada dua perkara utama iaitu pemindahan positif dan pemindahan negatif. Pemindahan positif berlaku apabila kedua-dua bahasa mempunyai elemen yang sama dan memudahkan pelaksanaan bahasa kedua. Manakala pemindahan negatif berlaku apabila kedua-dua bahasa mempunyai unsur yang berbeza.

1.2 Pernyataan Masalah

Pengaruh fonologi DM dalam membaca al-Quran bermaksud penyerapan dan pemindahan beberapa aspek fonologi DM dalam pembacaan al-Quran. Sedangkan kedua-duanya mempunyai fonologi yang berbeza dan berasal dari rumpun yang berjauhan. Penyerapan fonologi ini menyebabkan penutur DM melakukan kesilapan kerana menggunakan sistem fonologi DM ke atas penyebutan bahasa Arab al-Quran.

Maka, amat sukar untuk memisahkan seseorang itu daripada pengaruh bahasa ibundanya yang menjadi pertuturan hariannya. Ramai sarjana dan pengkaji bahasa yang menyatakan bahawa, bahasa pertama atau bahasa ibunda mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembelajaran bahasa kedua. Bahasa yang paling dominan dikuasai oleh seseorang selalunya berpengaruh terhadap pemerolehan bahasa berikutnya. Pada kebiasaannya bahasa yang paling dikuasai oleh seseorang adalah bahasa ibunda (Tarigan, 1988:14).

Menurut Asmah (1988:517), penghayatan bahasa pertama (B1) berlaku tanpa bersaing dengan penuturan–penuturan lain, manakala penghayatan bahasa kedua (B2) berlaku apabila B1 sudah berakar. Dengan itu B2 mengalami kesalahan dan gangguan. Menurut Brown (dipetik daripada Abd.Halim (2000:17) kewujudan fenomena gangguan bahasa pada peringkat awal pembelajaran bahasa kedua banyak mempunyai ciri-ciri penyerapan bahasa ibunda (*language transfer*) atau gangguan bahasa (*interference*). Pada peringkat ini, sebelum pelajar dapat menguasai kaedah–kaedah bahasa kedua, hanya bahasa ibunda yang dikuasai oleh

pelajar. Oleh itu, terdapat kesalahan yang dikenal pasti berpunca daripada penyerapan negatif antara bahasa.

Hal yang dikatakan oleh pengkaji ini juga berlaku apabila penutur etnik Mandailing yang menggunakan DM dalam pertuturan hariannya sebagai bahasa ibunda dalam membaca al-Quran. Sedangkan kedua-dua bahasa mempunyai sistem yang berbeza-beza dan berasal dari rumpun yang berjauhan.

Sehingga kini, masih terdapat sebilangan besar orang awam dan pelajar khususnya yang menyebut sebutan bahasa Arab ketika membaca al-Quran tidak mengikut sebutan yang betul. Pertuturan di rumah yang menggunakan bahasa ibunda mungkin banyak mempengaruhi mereka.

Dengan demikian, teori pemindahan bahasa atau peminjaman linguistik sering dikaitkan dengan pengaruh bahasa pertama dalam bahasa kedua. Oleh itu, cara penutur bahasa pertama menyebut bahasa kedua atau cara penutur DM menyebut bahasa Arab dalam al-Quran, menyebabkan sering berlaku penyerapan bahasa.

Kajian fonologi DM telah dikaji oleh Hasibuan (1981). Beliau dalam kajiannya hanya membicarakan vokal, konsonan, dan struktur suku kata. Beliau masih belum melihat secara teoretis, khususnya dari aspek fonologi Generatif yang dianggap lebih baik. Sesuai dengan perkembangan semasa, kajian itu perlu dikembangkan lagi supaya proses-proses fonologi dalam DM dapat dikenal pasti dengan lebih jelas.

Dalam kajian ini, pengkaji harus mengkaji DM terlebih dahulu kerana dengan adanya dapatan dari DM, barulah pengkaji dapat mengenal pasti pengaruh-pengaruh DM itu ke atas pembacaan al-Quran.

Tujuan pengkaji meneliti fonologi DM adalah untuk mengenal pasti pengaruh-pengaruh fonologi DM ke atas pembacaan al-Quran dalam kalangan masyarakat penutur Mandailing. Hal ini adalah jelas, sebagaimana yang sudah dikaji oleh Mohd Azidan (2000) yang menyatakan bahawa gangguan penyebutan bahasa Arab berlaku apabila penutur Melayu menyebut fonem bahasa Arab yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu.

Hal ini juga berlaku dalam kalangan masyarakat Mandailing seperti dalam contoh-contoh berikut:

1. Masalah membunyikan fonem $\text{ذ}/\Delta/$ sebagai [s]. Contoh dalam pembacaan kata إِذَا [ʔiΔa:] sebagai [ʔisa:]. Hal ini berlaku kerana dalam DM tidak ada fonem Δ . Sebagai gantinya, masyarakat Mandailing membunyikan fonem $\text{ذ}/\Delta/$ sebagai [s].
2. Membunyikan fonem $\text{ز}/z/$ sebagai [s]. Contoh dalam pembacaan kata زُلْزِلَ [zulzila] sebagai [sulsila]. Hal ini berlaku kerana dalam DM tidak ada fonem z . Sebagai gantinya, masyarakat Mandailing membunyikan $\text{ز}/z/$ sebagai [s].
3. Membunyikan fonem $\text{ف}/f/$ sebagai [p]. Contoh dalam pembacaan فِيهِ [fi:hi] sebagai [pi:hi]. Hal ini juga berlaku kerana dalam DM tidak ada fonem f , sebagai gantinya, masyarakat Mandailing membunyikan fonem $\text{ف}/f/$ sebagai [p].

4. Membunyikan fonem خ /x/ sebagai [h] dan fonem ق /q/ sebagai [k] dalam pembacaan خلق [xalaqa] sebagai [h□lak□]. Hal ini berlaku kerana dalam DM tidak ada fonem خ /x/ dan ق /q/. Sebagai gantinya, masyarakat Mandailing membunyikan fonem خ /x/ sebagai [h] dan membunyikan fonem ق /q/ sebagai [k]. Kemudian terjadi variasi fonem vokal /a/ menjadi fonem vokal /□/ jika fonem vokal /a/ berada pada lingkungan fonem خ /x/ dan ق /q/.
5. Membunyikan fonem ط sebagai [t], dan fonem ع /√/ sebagai [ʔ]. Contoh dalam pembacaan طاعة [□a:√atun] sebagai [t□:/atun]. Keadaan ini berlaku kerana dalam DM tidak ada fonem /□/, sebagai gantinya, masyarakat Mandailing membunyikan /□/ ط sebagai [t] dan fonem /√/ ع sebagai [ʔ]. Selain ini, wujud pula variasi fonem vokal /a/ َ menjadi /□/ jika fonem vokal /a/ berada pada lingkungan fonem ط /□/.
6. Membunyikan fonem ظ /|/ sebagai [∅]. Contoh dalam pembacaan ظالمٌ atau [∅□:lim]. Hal ini berlaku kerana dalam DM tidak ada fonem /|/ ظ, sebagai gantinya, penutur DM menyebut fonem /|/ sebagai [∅]. Kemudian terjadi variasi fonem vokal /a/ َ menjadi fonem /□/ jika fonem vokal /a/ berada pada lingkungan fonem ظ /|/.
7. Membunyikan fonem ص [♣] sebagai [s] dan fonem ح [□] sebagai [h]. Contoh dalam pembacaan صالح [♣a:lih] sebagai [s□:lih]. Keadaan ini berlaku kerana dalam DM tidak ada fonem ص [♣] dan ح [□], sebagai gantinya, pembaca DM membunyikan fonem /♣/ ص sebagai [s] dan membunyikan fonem ح [□]

sebagai [h]. Kemudian terjadi variasi fonem vokal /a/ َ menjadi /□/ jika fonem vokal /a/ berada pada lingkungan fonem /♣/ ص.

Berdasarkan keadaan ini, pengkaji ingin mengkaji lebih mendalam mengenai pengaruh fonologi DM dalam pembacaan al-Quran. Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk meninjau sama ada pengaruh itu membawa kesalahan yang berpunca daripada pemindahan negatif atau tidak.

Oleh yang demikian, kajian ini perlu dilakukan dengan lebih terperinci dengan menggunakan teori autosegmental berdasarkan Model Sagey (1986) dan representasi tingkat suku kata Clements & Keyser (1983) serta representasi tingkat suku kata Levin (1985) dalam menganalisis proses-proses fonologi yang berlaku dalam kajian ini secara keseluruhan.

Kajian ini diharapkan dapat menyelesaikan masalah pembacaan al-Quran dengan betul bagi masyarakat penutur DM.

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk:

- a. Mengenal pasti dan menghuraikan bunyi-bunyi vokal dan konsonan serta fitur-fitur distingtif dialek Mandailing (DM) dan bahasa Arab al-Quran (BAQ).
- b. Mengenal pasti dan menganalisis proses-proses fonologi DM dengan menggunakan teori autosegmental berdasarkan model Sagey (1986) dan representasi Clements (1983).

- c. Menghurai dan menganalisis pengaruh fonologi DM dalam pembacaan al-Quran dengan menggunakan teori autosegmental berdasarkan model Sagey (1986), representasi Clements dan Keyser (1983), dan representasi tingkat suku kata Levin (1985).

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan yang dikaji adalah:

- a. Apakah sistem bunyi vokal dan konsonan serta fitur distingtif DM dan BAQ?
- b. Apakah jenis-jenis proses fonologi yang berlaku dalam DM dan bagaimanakah analisis dijalankan?
- c. Bagaimanakah pengaruh fonologi DM dalam pembacaan al-Quran dianalisis?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengkaji bahasa, khususnya dalam memperlihatkan pengaruh bunyi fonem DM dalam pembacaan al-Quran. Selain itu, kajian ini diharap dapat dimanfaatkan sebagai satu bahan rujukan pengkaji bahasa berikutnya untuk menjalankan penyelidikan tentang pengaruh bunyi-bunyi fonem yang berlaku dalam dialek negeri lain dalam pembacaan al-Quran dengan lebih terperinci. Kajian ini dapat menambah bilangan rujukan mengenai pengaruh fonologi dialek-dialek yang ada dalam pembacaan al-Quran dari perspektif fonologi

generatif untuk generasi akan datang yang ingin mengkaji fonologi secara mendalam.

Seterusnya, kajian ini merupakan salah satu cara yang dapat membuktikan kewujudan pengaruh fonologi DM yang menyebabkan berlakunya kesalahan sebutan bunyi-bunyi fonem BAQ sehingga mengakibatkan kesalahan makna atau tidak ada apa-apa makna dalam ayat-ayat al-Quran yang dibaca.

Kajian ini juga dapat memperlihatkan kelainan dari segi penganalisan data berbanding dengan kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini dan proses fonologi yang melibatkan pengguguran vokal, penggantian konsonan dan perubahan vokal, yang dapat dilihat dengan jelas dalam analisis fonologi autosegmental yang menggunakan representasi suku kata model Sagey (1986) dan representasi Clement's (1983) serta representasi tingkat suku kata Levin (1985).

Berdasarkan teori yang digunakan, kajian ini dapat memberikan rumus fonologi autosegmental yang terjadi dalam pembacaan al-Quran oleh penutur DM.

Kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada guru-guru al-Quran dan guru-guru bahasa Arab dalam usaha meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan pembacaan al-Quran kepada masyarakat Mandailing.

1.6 Batasan Kajian

Kajian pengaruh fonologi DM dalam pembacaan al-Quran merupakan kajian bahasa yang memperlihatkan penggunaan BAQ oleh penutur DM dalam membaca al-Quran. Oleh itu, kajian ini tertumpu pada sistem fonetik dan fonologi DM serta proses-proses fonologi yang berlaku dalam DM. Selain itu, kajian ini pula tertumpu pada sistem fonetik dan fonologi BAQ serta proses-proses fonologi terhadap pembacaan al-Quran. Pengaruh fonologi DM dalam pembacaan al-Quran menjadi fokus utama dalam kajian ini sebagai penanda kepada perbandingan sistem fonetik dan fonologi DM dan sistem fonetik dan fonologi BAQ.

Kajian ini membuat proses-proses fonologi dalam pembacaan al-Quran oleh penutur DM. Manakala proses-proses yang dikaji adalah proses fonologi yang melibatkan pengguguran konsonan, penggantian bunyi konsonan, pengguguran vokal dan penyisipan vokal.

Analisis kajian ini menggunakan kerangka teori fonologi autosegmental, representasi model Sagey (1986) dan representasi suku kata Clements (1983) serta representasi tingkat suku kata Levin (1985) terhadap proses-proses fonologi yang berlaku dalam DM dan BAQ, serta proses-proses fonologi yang berlaku dalam pembacaan al-Quran oleh penutur DM.

1.7 Tinjauan Literatur

Kajian tentang pengaruh fonologi sudah banyak dilakukan oleh para sarjana, antaranya ialah Weinreich (1953), Rusyana (1975), Thojib (1978), Soetomo (1985) dan Suwito (1987). Begitu juga dengan kajian mengenai pengaruh fonologi

yang berkaitan dengan bahasa Arab dan pembacaan al-Quran. Antaranya Letmiros (1996), Mohd. Azidan Abd. Jabar (2000), Kamarul Zaman dan Nik Mohammad Rahmini (2000) dan Mohd.Bakhit (1998), Badri (1988). Manakala kajian mengenai fonologi dialek Melayu yang menggunakan teori autosegmental dalam menganalisis data telah dilakukan oleh Kamarul Afendey (2004) dan Nur Ruwaida (2006), Zaharani (2000) dan Tajul Aripin (1996).

Weinreich (1953: 9) menyatakan bahawa apabila sistem bunyi dua bahasa dibandingkan, dan perbezaan kedua-duanya diubah menjadi bentuk-bentuk yang lebih mudah difahami, kemungkinan bentuk-bentuk yang saling berpengaruh bagi kedua bahasa tersebut akan diperoleh. Pengaruh berlaku dalam bidang bunyi apabila penutur dwibahasa mengidentifikasikan fonem dalam bahasa asing kepada fonem yang ada dalam bahasa ibunda, dalam menghasilkan bunyi tersebut sehingga dalam penyesuaian ke atas sistem fonetik bahasa ibunda yang menimbulkan kesan negatif pada bahasa asing tersebut. Pendapat di atas disokong oleh kajian yang dilakukan Weinreich pada tahun 1951 tentang hubungan bahasa antara bahasa Roman dan bahasa Schwyzertutsch di Switzerland. Dalam kedua-dua bahasa tersebut tidak terdapat fonem yang sepadan. Misalnya dalam bahasa Roman terdapat fonem /j/, /ɣ/ dan /z/, sementara itu dalam bahasa Schwyzertutsch fonem-fonem tersebut tidak wujud. Sebaliknya dalam bahasa Schwyzertutsch terdapat fonem /p^f/, /k^h/, /y/, dan /ø/ serta fonem vokal panjang /i:/, /u:/, /e:/, /o:/ dan /ø:/ yang tidak dimiliki oleh bahasa Roman. Fonem /p/ dalam sistem bahasa Schwytutsch, tidak dikenali dalam sistem bahasa Roman. Oleh itu, fonem tersebut diinterpretasikan oleh penutur Roman sebagai fonem /p/ + /f/ → /p^f/ dan sukar

untuk diucapkan. Sementara itu fonem /k/ dalam bahasa Roman, diinterpretasikan sebagai /k/ + /h/ → /kh/ oleh penutur Schwytutsch, fonem /k^h/ dalam bahasa Schwytutsch sering digunakan sedangkan fonem /k/ adalah fonem yang jarang digunakan.

Rusyana (1975:16) mengatakan bahwa apabila dua bahasa berhubungan, ada kecenderungan pada dwibahasa untuk menyamakan hal-hal bahasa tertentu dengan hal-hal bahasa lain yang boleh mewujudkan pengaruh. Pengaruh ini boleh berlaku dari bahasa ibunda terhadap bahasa asing, atau sebaliknya.

Thojib (1978: 437) dalam disertasi beliau mengatakan tentang kajian bahasa Perancis yang dituturkan oleh beberapa penutur Indonesia. Beliau menyimpulkan bahwa mereka cenderung mengalami kesukaran untuk mengucapkan bunyi-bunyi vokal dan konsonan bahasa Perancis yang tidak ada dalam sistem fonologi bahasa Indonesia. Misalnya, bunyi vokal nasal bahasa Perancis cenderung diucapkan sebagai gabungan vokal dan konsonan nasal [V] → [V+K] atau dengan perkataan lain terjadi nasalisasi vokal, sebagai contoh kata *emprunter* ‘meminjam’ /ãprã)te/ → [ãprã)te]. Begitu juga dengan konsonan /ʃ/ bahasa Perancis yang cenderung diucapkan sebagai [s] atau [z]. Misalnya, dalam kata *une brioche* ‘semacam roti’ /ynbrãij↔ʃ/ → [unbrijos]. Bagi bunyi-bunyi vokal dan konsonan bahasa Perancis yang juga dikenal dalam sistem fonemis bahasa Indonesia, kecenderungan penyimpangannya adalah dalam suku kata tertutup. Vokal dalam suku kata tertutup diucapkan lebih terbuka misalnya kata *pâte* ‘pasta’ /pat/ [pøt] dan konsonan bersuara pada akhir suku kata dilafazkan menjadi tidak bersuara, misalnya *bague* ‘cincin’ /bag/ → [bak] ‘ujian akhir’.

Selain itu, Soetomo (1985:9) menyatakan bahawa, pengaruh merupakan fenomena umum yang terjadi dalam masyarakat dwibahasa (beliau menamakannya *gandabahasa*). Gejala ini muncul secara fizikal disebabkan oleh keakraban para pengguna beberapa bahasa, sehingga wujud hubungan bahasa dalam diri mereka secara sengaja atau tidak sengaja. Namun, frekuensi terjadinya pengaruh ini tidak sama tahapnya dalam masyarakat dwibahasa. Besar kecilnya frekuensi pengaruh sesuatu bahasa kepada bahasa yang lain bergantung kepada besar atau kecilnya pergeseran bahasa-bahasa itu dalam penggunaannya.

Suwito (1987:81) menyatakan bahawa satu bahasa mempunyai jumlah bunyi tertentu, sistem bunyi tertentu dan mempunyai cara yang berbeza dengan bahasa lain dalam hal menyebarkan bunyi bahasanya. Apabila seorang dwibahasa menuturkan suatu bahasa yang bukan bahasa ibundanya, maka bunyi-bunyi tersebut cenderung disesuaikan dengan sistem tata bunyi yang berlaku pada bahasa ibunda penutur yang berkenaan. Penyesuaian sistem tata bunyi yang demikian disebabkan oleh kemasukan unsur bunyi bahasa ibunda penutur terhadap bahasa asing yang dituturkan. Beliau memberikan contoh dalam bahasa Jawa, fonem /i/ dalam suku kata tertutup dilafazkan sebagai [I]. Penutur Jawa condong melafazkan kata Indonesia *putih* sebagai [putIh]. Dalam hal ini terjadi pengaruh fonetik /i/ → [I]. Selain itu, apabila konsonan bersuara /b/, /d/, /j/, dan /g/ yang terletak di awal kata, diucapkan oleh penutur Jawa dengan cara penasalan yang berhomorgan dengan konsonan yang ada di sebelahnya. Hal ini berlaku terutamanya dalam melafazkan nama-nama daerah seperti *Bandung* → [mbandUng], *depok* → [ndepok], *Jambi* → [ŋjambi], *Garut* → [ŋgarut] dan sebagainya. Dalam hal ini terjadi pengaruh fonologi nasalisasi /ø/ → [N].

Letmiros (1996), menemukan beberapa penyimpangan yang dilakukan oleh mahasiswa Indonesia yang menggunakan bahasa Indonesia sebagai bahasa ibunda dalam pengucapan vokal dan konsonan bahasa Arab. Penyimpangan itu berlaku dalam pengucapan bunyi vokal pendek /a/ berubah menjadi [o] jika vokal /a/ dalam bahasa Arab itu didahului oleh bunyi konsonan /x, r, ʕ, |, □, |, q/. Begitu pula dengan bunyi vokal panjang /a:, i:, u:/ dalam bahasa Arab, berubah menjadi vokal pendek, kerana bahasa Indonesia tidak mempunyai bunyi vokal panjang. Demikian pula dalam hal pengucapan bunyi-bunyi konsonan /T, Δ, □, ξ, z, Σ, ʕ, |, □, |, √, ⊗, φ, q/ berubah menjadi [s, Ø, h, h, Ø, s, s, d, t, z dan Ø, /, g, p, k]. Hal ini terjadi kerana bahasa Indonesia tidak mempunyai bunyi-bunyi konsonan bahasa Arab tersebut.

Mengikut Mohd. Azidan (2000), gangguan penyebutan bahasa Arab berlaku apabila penutur Melayu menyebut fonem bahasa Arab yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Beliau menerangkan tentang teori gangguan bahasa atau pemindahan bahasa yang berlaku apabila struktur bahasa Arab dan bahasa Melayu berbeza. Pemindahan negatif yang dimaksudkan adalah apabila penutur menggunakan sistem bahasa pertama ke dalam bahasa kedua. Pemindahan ini berlaku pada penyebutan konsonan terhadap penyebutan bunyi konsonan *itbaq* dan juga penyebutan nipis dan tebal. Beliau meletakkan empat ciri utama iaitu penyebutan konsonan, panjang pendek penyebutan vokal, penyebutan kata yang tidak berdasarkan tulisan dan penyebutan vokal yang tidak diberi tanda. Oleh itu, beliau menyatakan pengaruh ini tidak harus menjadi halangan kepada penutur untuk menguasai sistem bunyi bahasa Arab.

Kamarul Zaman dan Nik Mohd. Rahmini (2000) menemukan, ada tujuh persamaan dan dua perbezaan organ penyebutan bunyi bahasa, sembilan persamaan dan satu sifat bunyi konsonan, dua persamaan dan sepuluh perbezaan bunyi vokal dan dua persamaan bentuk dan lima perbezaan bentuk suku kata antara kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab. Pengaruh penyebutan berlaku pada fonem yang tidak ada dalam bahasa Melayu. Dapatan mereka menunjukkan ada tiga bentuk perubahan bunyi bahasa Arab oleh penutur Melayu, iaitu perubahan makhraj, perubahan sifat, perubahan makhraj dan sifat. Di samping itu, mereka menyebut tentang unsur *tafkhim* yang menimbulkan masalah kepada penutur Melayu.

Mohd Bakhtit (1998) dalam kajiannya menyatakan bahawa bunyi vokal dalam bahasa Arab oleh (Basyar, 1980: 74) diklasifikasikan kepada dua iaitu bunyi vokal pendek [a], [i], [u] yang disebut dalam istilah bahasa Arab dengan *al-faṭḥatu wa l-kasratu wa ḍ-ḍammatu qaṣī ratan* dan bunyi vokal panjang [a:], [i:], [u:] yang disebut dalam istilah bahasa Arab dengan *al-faṭḥatu wa l-kasratu wa ḍ-ḍammatu ṭawīlatan*. Sedangkan bunyi konsonan di dalam bahasa Arab ada 28 iaitu: [b, t, θ, Ø, ḥ, x, d, ḍ, r, z, s, Σ, ♣, |, □, |, √, ⊗, f, q, k, l, m, n, w, h, /, j]. Bunyi-bunyi konsonan ini dikenali dalam bahasa Arab sebagai *al-`aṣwātu aṣ-ṣāmitatu*.

Badri (1988: 53-60) mengklasifikasikan bunyi konsonan bahasa Arab berdasarkan artikulator dan titik artikulasi kepada bunyi bilabial (*syafatāniy*) iaitu /b, m, w/, dental (*asnāniy*) iaitu /t, d/, bunyi labio dental (*syafawiy asnāniy*) iaitu /f/, bunyi interdental (*bay`asnāniy*) seperti /θ, ḍ/, bunyi alveolar (*liṣṣah*) seperti /r, z, s, l, n/, bunyi dental velar (*mufakhhkam*) iaitu /♣, |, □, |/, bunyi velar (*ṭabaq*) iaitu /x,

⊗, k/, bunyi alveo palatal (*liṣṣah ghāriyyah*) iaitu /∅, Σ /, bunyi palatal (*ghāriyyah*) iaitu /j/, bunyi uvular (*ḥalqiyyah*) iaitu /ħ, √/, bunyi glottal (*ḥanjariyyah*) iaitu /h, //, bunyi uvular (*ḥalqiyyah*) iaitu /q/.

Manakala Kamarul Afendey (2004) memfokuskan kajiannya kepada proses-proses fonologi yang berlaku dalam dialek Sayong (DS). Proses-proses fonologi yang diteliti dan dianalisis ialah nasalisasi vokal, harmoni nasal, perendahan vokal, pengguguran vokal, pendiftongan, pemonoftongan, pembentukan geluncuran, pengguguran konsonan, penyisipan vokal dan perubahan suku kata. Analisis beliau menggunakan teori autosegmental berdasarkan model Sagey (1986).

Seterusnya Nur Ruwaida (2006) membincangkan perbandingan mengenai proses-proses penyebaran geluncuran, penyisipan hentian glotis, pendiftongan dan pemonoftongan yang berlaku dalam urutan vokal bagi dialek Kedah (DK), dialek Perak (DP) dan bahasa Melayu Standard (BMS). Dalam kajian ini beliau menyatakan bahawa dalam DK dan DP terdapat persamaan dalam proses pembentukan geluncuran dengan BMS iaitu urutan vokal yang didahului oleh vokal [+tinggi] dalam BMS akan mengalami pembentukan geluncuran dalam kata dasar dan sempadan akhiran melalui proses penyebaran geluncuran daripada vokal [+tinggi] (Farid, 1980, Teoh, 1994, Tajul Aripin, 2000). Kajian ini juga mendapati bahawa proses pendiftongan DP dan DK terhasil setelah urutan vokal tersebut mengalami penyisipan seperti dalam urutan segmen /us/ yang menduduki posisi akhir kata dalam perkataan /hapus/ menjadi [ha.puih] dalam DK dan [ha.poih] dalam DP. Selain itu, proses pendiftongan juga dapat dilihat melalui proses pemvokalkan likuida /l/ yang menduduki posisi akhir kata dalam urutan

segmen /ul/ seperti dalam perkataan /betul/ menjadi [betoi] dalam DP dan DK. Namun begitu, proses pendiftongan tidak berlaku dalam BMS. Dalam kes pemonoftongan, DP dan DK memperlihatkan urutan vokal mengalami perubahan kepada vokal tunggal (monoftong). Contoh dalam perkataan /pandai/ menjadi [pan.da] dalam DP dan /kuasa/ menjadi [kɔ.sa] dalam DK. Kedua-dua data memperlihatkan perbezaan di antara DP dan DK, kerana dalam DK, diftong /ai/ di akhir kata kekal sebagai /ai/ dalam [pan.dai]. Manakala dalam DP, perkataan /kuasa/ tidak mengalami pemonoftongan. Sebaliknya urutan vokal yang diawali oleh vokal [+tinggi] mengalami pembentukan geluncuran sebagai [ku.wa.sɛ]. Dalam BMS, kes pemonoftongan ini tidak berlaku.

Zaharani (2000:722-736), menyatakan bahawa analisis autosegmental telah terhasil menangani penggandaan separa bahasa Melayu dengan baik. Analisis ini tidak sahaja dapat menjelaskan bagaimana penggandaan itu beroperasi dalam penghasilan bentuk kata ganda yang tepat dan gramatis, tetapi juga mampu menjelaskan mengapa kata akar yang bermula dengan vokal tidak boleh menjalani proses penggandaan tersebut.

Tajul Aripin (1996) mengkaji perbandingan dialek Patani Gerik (DPG), dialek Parit (dikenali sebagai dialek Perak) dan dialek Pasir Mas (dikenali sebagai dialek Kelantan). Beliau telah membandingkan proses-proses asimilasi antara dialek-dialek tersebut berdasarkan pendekatan autosegmental. Dalam kajian tersebut, beliau juga mengandaikan bahawa proses nasalisasi vokal dalam dialek Patani Gerik (DPG) berlaku dalam dua bentuk, iaitu nasalisasi vokal secara progresif dan nasalisasi vokal secara regresif.

Menurut kajian yang pernah dilakukan oleh Weinreich (1953), Rusyana (1975), Thojib (1978), Soetomo (1985) dan Suwito (1987), pengaruh berlaku dalam bidang bunyi apabila penutur dwibahasa mengidentifikasikan fonem dalam bahasa asing kepada fonem yang ada dalam bahasa ibunda, dalam menghasilkan bunyi tersebut sehingga dalam penyesuaian ke atas sistem fonetik bahasa ibunda menimbulkan kesan negatif pada bahasa asing tersebut. Keadaan ini berlaku disebabkan fonem-fonem dalam bahasa asing tersebut tidak ada dalam bahasa ibunda. Para pengkaji terdahulu pula menyatakan bahawa, pengaruh bunyi-bunyi fonem daripada satu bahasa atau dialek kepada bahasa yang lain mengakibatkan wujudnya penyesuaian sistem bunyi bahasa asing ke dalam sistem bunyi bahasa ibunda. Selain itu, kajian yang mereka jalankan menunjukkan keterbatasan dalam menjelaskan fonem-fonem bahasa asing yang mengalami pengaruh daripada bahasa ibunda dengan menggunakan fonetik artikulasi yang berlaku dalam aliran tatabahasa tradisional, atau tidak menggunakan apa-apa teori.

Demikian pula kajian pengaruh fonologi yang berkaitan dengan bahasa Arab dan pembacaan al-Quran yang dijalankan oleh Letmiros (1996), Mohd. Azidan (2000)

Kamarul Zaman dan Nik Mohammad Rahmini (2000) memperlihatkan adanya penyimpangan pengucapan bunyi vokal dan konsonan bahasa Arab yang tidak terdapat dalam bahasa ibunda. Kajian-kajian ini pula dijalankan tanpa memperlihatkan adanya teori fonologi yang berlaku seperti fonologi generatif.

Manakala pembahasan fonologi bahasa Arab yang disampaikan oleh Mohd Bakhit (1998) dan Badri (1988: 53-60) mengklasifikasikan bunyi vokal dan konsonan bahasa Arab berdasarkan artikulasi sahaja.

Selanjutnya, kajian fonologi autosegmental yang dijalankan oleh Kamarul Afendey (2004), Nur Ruwaida (2006), Zaharani (2000:722-736), Tajul Aripin (1996) dalam pelbagai keadaan yang berlaku dalam dialek dan bahasa Melayu di atas dapat pengkaji jadikan sebagai rujukan untuk membahas proses-proses fonologi yang berlaku dalam DM dan BAQ serta proses-proses fonologi yang berlaku dalam pembacaan al-Quran oleh penutur DM.

Maka, kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji bahasa di atas menjadi dasar pemikiran bagi pengkaji dalam membuat kajian ini. Di sini pengkaji ingin melihat adakah keadaan yang berlaku dalam kajian-kajian di atas akan berlaku dalam pembacaan al-Quran yang dibaca oleh penutur DM. Hal ini penting dijalankan kerana bahasa Arab al-Quran bukanlah bahasa yang serumpun dengan DM., tetapi ia digunakan oleh penutur DM yang beragama Islam dalam menjalankan ibadah kepada Allah.

Perbezaan antara kajian yang telah dijalankan di atas dengan kajian yang pengkaji jalankan ialah, pengkaji membahas pengaruh fonologi dialek Mandailing dalam bahasa Arab al-Quran yang berlaku dari sudut fonetik dan fonologi dengan melibatkan teori yang lahir dalam aliran tatabahasa transformasi generatif iaitu fonologi autosegmental. Dengan kata lain, representasi segmental diubahsuai bagi

mewujudkan satu representasi autosegmental untuk melambangkan struktur fonetik yang lebih berpada.

Sehubungan dengan ini, kajian dijalankan dengan menggunakan representasi fonologi autosegmental yang disarankan oleh Sagey (1986).

1.8 Definisi Istilah dan Konsep

Dalam huraian ini, pengkaji menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan tajuk kajian iaitu; *Satu Analisis Autosegmental Terhadap Pengaruh Fonologi Dialek Mandailing Dalam Pembacaan Al-Quran*.

1.8.1 Analisis autosegmental

Analisis autosegmental adalah suatu teori yang digunakan sebagai landasan bagi kajian ini. Teori autosegmental diasaskan oleh John Goldsmith pada tahun 1976 (Zaharani, 2005: 64). Teori autosegmental ini merupakan satu pendekatan yang lebih berpada sifatnya dalam memerikan sesuatu proses segmental fonologi (Tajul Aripin, 2005: 163). Begitu juga dengan pandangan Goldsmith seperti berikut:

"Autosegmental phonology is an attempt to provide a more adequate understanding of the phonetic side of the linguistic representation".

(Goldsmith, 1995:137)

Manakala menurut David Crystal (1997: 35), autosegmental fonologi adalah seperti berikut:

"Autosegmental phonology: A term used in recent phonological theory to refer to an approach which contrasts with strictly segmental theories of phonology. The segmental approach is seen as a set of representations which consist of a

linear arrangement of segments (or unordered sets of features) and boundaries that are dependent on morphological and syntactic criteria. By contrast, the autosegmental approach sees phonology as comprising several tiers, each tier, consisting of a linear arrangement of segments, these are linked to each other by association lines which indicate how they are to be coarticulated. Originally devised to handle tonal phenomena, the approach has now been extended to deal with other features whose scope is more than one segment, especially vowel and consonant harmony”.

Fonologi Autosegmental: merupakan satu istilah yang digunakan dalam teori fonologi baru-baru ini yang merujuk kepada satu pendekatan yang lebih berpada dibandingkan dengan teori-teori fonologi segmental. Pendekatan fonologi segmental dilihat sebagai satu set representasi yang terdiri daripada satu susunan segmen secara linear (atau beberapa fitur yang tidak teratur) dan sempadan yang bergantung kepada kriteria morfologi dan sintaksis. Sebaliknya, pendekatan autosegmental melihat fonologi itu sendiri terdiri dari beberapa tingkat, setiap tingkat ini mengandungi satu segmen yang tersendiri berupa garis penghubung untuk menghubungkan antara dua segmen yang memperlihatkan kerja sama alat artikulasi pada waktu yang sama bagi bunyi yang sama. Pada asasnya teori autosegmental digunakan untuk menangani fenomena fonologi seperti nada, dalam pendekatan ini fitur nada direpresentasikan pada tingkat berasingan daripada tingkat segmental, misalnya segmen nada dapat dihubungkan dengan segmen vokal dan harmoni konsonan”.

1.8.2 Pengaruh fonologi

Pengetahuan tentang sistem bunyi bahasa merupakan prasyarat untuk mempelajari dan memahami seluk-belok bahasa dengan baik. Perkara ini menjadi masalah utama bagi orang dewasa dalam mempelajari bahasa (Gleason, 1958: 253). Apabila

seseorang hendak mempelajari bahasa asing, perkara utama yang harus dipelajari terlebih dahulu adalah sistem bunyi bahasa asing tersebut. Sistem bunyi sesuatu bahasa adalah bunyi-bunyi yang dimiliki oleh bahasa itu sendiri (Laksman, 1995: 92).

Kajian tentang bunyi bahasa sering kali dikenali sebagai kajian fonetik yang mempelajari tentang bunyi bahasa. Walaupun manusia mempunyai alat-alat artikulasi yang relatif sama, namun mereka tidak dapat mengartikulasikan hal yang sama dalam dua bahasa yang berbeza. Hal ini berlaku kerana tidak ada dua bunyi yang benar-benar sama dalam dua bahasa yang berbeza (Samsuri, 1987: 92). Kedua-duanya dibezakan oleh sifat atau ciri fizikal bunyi bahasa itu (Laksman, 1995: 92).

Pengetahuan tentang bunyi bahasa dan penggunaannya yang tepat dalam ujaran menjadi landasan utama untuk memperoleh hasil yang sempurna dan memuaskan dalam kajian gangguan fonologi. Jones (1967: 1) menyatakan bunyi bahasa dengan istilah *speech sounds* atau *phones*. Sehubungan itu, Saussure dalam terjemahan Hidayat (1988: 159) mengemukakan pandangannya bahawa bahasa bersifat mendua, iaitu bersifat ujaran (*parole*) dan bersifat sistem (*langue*). Bagi memudahkan pengertian kedua-duanya, maka *parole* disebut bunyi (fon), dan *langue* disebut fonem.

Kajian tentang pengaruh penggunaan bahasa dalam masyarakat berkait rapat dengan bidang sosiolinguistik. Kewujudan pengaruh daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain dalam sosiolinguistik dikenali dengan istilah